

29 JAN 1999

WEF-EKONOMI

KAWALAN MODAL TIDAK AKAN DITARIK BALIK DI TENGAH PANTULAN EKONOMI: DR M

Oleh: Yong Soo Heong

DAVOS, (Switzerland) 29 Jan (Bernama) -- Ekonomi Malaysia mula memantul semula dan tidak ada alasan untuknya menarik balik kawalan modal ketika ini kerana ia terbukti memberi kebaikan kepada negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Bagaimanapun saya akui sebagai sebuah negara dagangan yang kecil, had pemantulan semula itu bergantung kepada ekonomi dunia," katanya dalam satu ucapan di majlis makan tengah hari, acara sampingan Forum Ekonomi Dunia (WEF) tahunan di sini.

Beliau menambah: "Kami tidak akan pulih sepenuhnya jika dunia juga masih tidak pulih, dan ia tidak akan pulih jika ia (dunia) menganggap kapitalisme sebagai satu kelaziman."

"Kawalan itu akan kekal sehingga masyarakat antarabangsa mengikhtiarkan satu rejim kewangan baru yang dapat membendung kegiatan peniaga matawang," katanya.

Dalam nada yang penuh keyakinan terhadap keadaan pemulihan ekonomi negara, Dr Mahathir, dalam uaptamanya yang bertajuk, "Malaysia: Memantul Semula" berkata, hasil yang didapati sangat memuaskan sejak negara mengenakan kawalan tukaran asing.

Sambil menyatakan bahawa negara hampir berada dalam keadaan muflis pada satu ketika, Perdana Menteri dengan bangga memberitahu hadirin bahawa kini perniagaan telah mula pulih dan beroperasi dengan baik.

Harga saham meningkat naik dan pinjaman tidak berbayar (NPL) berjaya dikurangkan dengan bank-bank dan syarikat menjadi kukuh semula.

Jualan hartanah dan motor meningkat naik dan petunjuk-petunjuk lain turut menunjukkan bahawa ekonomi sedang pulih.

Sebagai contoh, di peringkat awal kawalan dikenakan, Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) turun kepada 260 mata daripada 1,200 mata.

Bagaimanapun KLCI baru-baru ini telah meningkat kepada 600 mata dan syarikat-syarikat kini mampu membuat pinjaman semula dan perniagaan mula pulih, kata Perdana Menteri kepada hadirinnya yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin perniagaan terkemuka dan tokoh akademik.

Dr Mahathir juga berkata kadar faedah di negara ini telah rendah sekarang dan matawang juga bebas daripada ancaman penurunan nilai oleh pedagang matawang di samping kepulauan ringgit daripada luar negara turut membantu meningkatkan kecairan.

Sebuah syarikat pengurusan aset (Pengurusan Danaharta Nasional Bhd) telah membeli NPL manakala satu jentera khas (Danamodal Nasional Bhd) telah dibentuk untuk membantu bank-bank lemah membuat permodalan semula.

Kepulauan semula ringgit juga membolehkan negara membuat permodalan semula bank dan membeli NPL tanpa pinjaman asing manakala kadar pembuangan pekerja dapat dikurangkan ke paras minimum, kata Dr Mahathir.

Inflasi dalam negara berada dalam lingkungan 1.5 peratus mengatasi purata tahunan kadar inflasi dan tidak berlaku sebarang kekurangan makanan dan ubat-ubatan.

Rizab asing juga meningkat sebanyak 35 peratus dalam tempoh empat bulan kepada AS\$27 bilion, di mana ia sama dengan mengekalkan lima bulan import tertangguh daripada AS\$20 bilion sebelumnya.

Dr Mahathir juga berkata ketika Malaysia memperkenalkan kawalan berpilip pada 1 Sept tahun lalu, ia mendapat kecaman hebat daripada seluruh dunia.

"Kami diberitahu bahawa kami akan gagal ataupun kejayaan yang dikecapi

cuma untuk tempoh sementara waktu sahaja. Media antarabangsa seperti biasa menuduh kerajaan Malaysia mengenakan kawalan untuk menyelamatkan kroni dan anggota keluarga Perdana Menteri.

"Mereka malahan membayangkan rakyat akan bangkit memberontak dan menggulingkan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir memberitahu hadirin majlis bahawa mereka mungkin tidak akan mengetahui kebenaran jika mereka bergantung kepada media Barat kerana wartawan mereka tidak ikhlas menulis berita jika mereka tidak menyukai sesetengah pihak.

"Dan mereka tidak menyukai negara-negara yang enggan tunduk kepada mereka".

Dengan kata lain, mereka menafikan hak ucapan bebas pihak yang lain sedangkan mereka sendiri menyalahgunakannya. Kami juga mendapat tahu beratus-ratus pembatalan pelancong yang mahu datang ke Malaysia kerana negara ini digambarkan sebagai satu zon peperangan," kata Perdana Menteri.

"Kuasa telah menguasai dunia media.

"Anehnya dalam dunia maklumat, satu-satunya cara untuk mendapatkan maklumat sebenar adalah dengan pergi melihatnya sendiri apa yang berlaku," katanya.

-- BERNAMA

SHY ZK MA